

D.R. 12/2008

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan menggantikan takrif “Kampus” dengan takrif yang berikut:

‘ “Kampus”, berhubung dengan sesuatu Universiti atau Kolej Universiti, ertinya Kampus atau Kampus Cawangan Universiti atau Kolej Universiti itu;’;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “Kampus” takrif yang berikut:

‘ “kesalahan boleh daftar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7];’;

(c) dengan menggantikan takrif “Menteri” dengan takrif yang berikut:

‘ “Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pengajian tinggi;’;

(d) dengan menggantikan takrif “pelajar” dengan takrif yang berikut:

‘ “pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti atau Kolej Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, praijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti atau Kolej Universiti itu, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah;’; dan

(e) dengan menggantikan takrif “Pelajaran Universiti atau Kolej Universiti” dengan takrif yang berikut:

‘ “pelajaran Universiti atau Kolej Universiti” ertinya pelajaran yang diadakan oleh Universiti atau Kolej Universiti pada peringkat persediaan, praijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran dan termasuklah penyelidikan dan pembangunan pelajaran dan pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan itu;’.

Seksyen baru 4A dan 4B

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

“Jawatankuasa untuk menasihati Menteri mengenai pelantikan

4A. Bagi maksud memilih orang yang layak dan sesuai bagi jawatan Naib Canselor atau bagi mana-mana jawatan

lain yang Menteri mempunyai kuasa untuk melantik di bawah Akta ini, Menteri hendaklah, dari semasa ke semasa, melantik suatu jawatankuasa untuk menasihatinya mengenai pelantikan itu.

Peminjaman atau perpindahan perkhidmatan pekerja Universiti oleh Menteri

4B. (1) Jika atas permohonan suatu Universiti, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan yang memohon, Menteri berpuas hati bahawa demi kepentingan pelajaran tinggi atau bagi menggalakkan penyelidikan dan pembangunan pelajaran, adalah suai manfaat untuk meminjamkan atau memindahkan seseorang pekerja Universiti kepada perkhidmatan Universiti, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan yang memohon di dalam Malaysia, Menteri boleh, dengan persetujuan pekerja itu, mengeluarkan arahan bagi peminjaman atau perpindahan pekerja Universiti itu kepada perkhidmatan Universiti, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan yang memohon itu, dan adalah menjadi kewajipan Universiti pekerja tersebut untuk melaksanakan arahan itu sama ada atau tidak Universiti itu bersetuju dengan peminjaman atau perpindahan itu.

(2) Apa-apa tuntutan bagi pampasan yang berbangkit daripada peminjaman atau perpindahan seseorang pekerja Universiti menurut subseksyen (1) hendaklah dibayar oleh Universiti, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan yang memohon sama ada dibayar mengikut apa-apa perkiraan yang dipersetujui dengan Universiti pekerja tersebut atau selainnya.”.

Pindaan seksyen 5

4. Seksyen 5 Akta ini dipinda dengan menggantikan perkataan “mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawal selia penubuhannya” dengan perkataan “Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*]”.

Pindaan seksyen 5A

5. Subseksyen 5A(1) Akta ini dipinda dengan menggantikan perkataan “mana-mana undang-undang bertulis” dengan perkataan “Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996”.

Pindaan seksyen 6**6. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—**

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Yang di-Pertuan Agong boleh meminda, mengubah atau membatalkan sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) melalui suatu perintah yang kemudian yang disiarkan dalam *Warta*.”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “(kemudian daripada ini disebut “Perintah Perbadanan”)” perkataan “atau (1A)”.

Penggantian seksyen 12

7. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 12 dengan seksyen yang berikut:

“Penubuhan Kampus Universiti

12. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* (kemudian daripada ini disebut “Perintah Kampus”)—

(a) menubuhkan suatu Kampus Universiti di dalam atau di luar Malaysia;

(b) memberikan nama atau gelaran yang sesuai bagi Kampus itu;

(c) menentukan tapak atau tempat Kampus itu, yang menjadi tapak atau tempat yang hendaklah menjadi tambahan kepada Kampus tempat Universiti itu didirikan; dan

(d) menetapkan apa-apa perkara lain sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan Perintah Kampus itu.

(2) Menteri boleh meminda, mengubah atau membatalkan sesuatu Perintah Kampus melalui suatu perintah yang kemudian yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Jika mana-mana kawasan dikehendaki untuk digunakan oleh Universiti secara sementara bagi apa-apa maksud, Naib Canselor boleh, dengan keizinan Lembaga, meluluskan penggunaan kawasan itu bagi maksud itu oleh Universiti itu bagi apa-apa tempoh yang disifatkannya perlu, dan peruntukan Akta ini, Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti hendaklah terpakai bagi kawasan itu sebagaimana yang Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti itu terpakai bagi suatu Kampus.”.

Penggantian seksyen 15

8. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 15 dengan seksyen yang berikut:

“Pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar bersekutu dengan persatuan, dsb.

15. (1) Seseorang pelajar Universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, sama ada atau tidak ia ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, sama ada ia di dalam atau di luar Universiti, dan sama ada ia di dalam atau di luar Malaysia, selain—

- (a) mana-mana parti politik, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (c) mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang telah ditetapkan oleh Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, secara bertulis kepada Naib Canselor sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(2) Suatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan boleh mempunyai apa-apa penggabungan, persekutuan atau urusan lain dengan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan

atau kumpulan orang, sama ada atau tidak ia ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, sama ada ia di dalam atau di luar Universiti, dan sama ada ia di dalam atau di luar Malaysia, selain—

- (a) mana-mana parti politik, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (c) mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang telah ditetapkan oleh Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, secara bertulis kepada Naib Canselor sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(3) Menjadi tanggungjawab Naib Canselor untuk menyampaikan kepada pelajar Universiti, dan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti, nama pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Menteri di bawah perenggan (1)(c) dan (2)(c) sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(4) Naib Canselor boleh, atas permohonan seseorang pelajar Universiti, mengecualikan pelajar itu daripada peruntukan perenggan (1)(a), tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(5) Tiada seorang pun pelajar Universiti dan tiada pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, boleh menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap—

- (a) mana-mana parti politik, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (c) mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Menteri di bawah perenggan (1)(c) dan (2)(c) sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(6) Walau apa pun subseksyen (5), seseorang pelajar Universiti tidak boleh dihalang daripada—

- (a) membuat pernyataan mengenai sesuatu perkara akademik yang berhubungan dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya; atau
- (b) menyatakan sendiri mengenai perkara yang disebut dalam perenggan (a) pada sesuatu seminar, simposium atau majlis seumpamanya yang tidak dianjurkan atau ditaja oleh mana-mana parti politik, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Menteri di bawah perenggan (1)(c) dan (2)(c) sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(7) Mana-mana pelajar Universiti yang melanggar subseksyen (1) atau (5) boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(8) Mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang melanggar subseksyen (2) atau (5) hendaklah diuruskan mengikut seksyen 16.”.

Pindaan seksyen 15A

9. Seksyen 15A Akta itu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) boleh dikenakan tindakan tatatertib.”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Naib Canselor boleh, dalam mana-mana hal tertentu, memberikan pengecualian kepada mana-mana

orang daripada pemakaian subseksyen (1), tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.”; dan

(c) dengan memotong subseksyen (4).

Penggantian seksyen 15B

10. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 15B dengan seksyen yang berikut:

“Tanggungjawab pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar

15B. Jika suatu kesalahan boleh daftar telah dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan kesalahan itu telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan atas nama atau bagi pihak mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, tiap-tiap orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh dikenakan tindakan tatatertib dan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar itu hendaklah diuruskan mengikut seksyen 16.”.

Pemotongan seksyen 15c

11. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 15c.

Penggantian seksyen 15D

12. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 15D dengan seksyen yang berikut:

“Penggantungan pelajar yang dipertuduh atas kesalahan boleh daftar dan perkara yang berhubungan dengan penahanan, dsb.

15D. (1) Jika seseorang pelajar Universiti dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar—

(a) dia boleh, mengikut budi bicara Naib Canselor, digantung daripada menjadi seorang pelajar; dan

(b) jika digantung sedemikian, dia tidak boleh semasa prosiding jenayah belum selesai, berada dalam atau memasuki Kampus.

(2) Jika seseorang pelajar Universiti yang dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar di bawah subseksyen (1) disabitkan atas kesalahan itu, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(3) Jika seseorang pelajar Universiti ditahan atau tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(4) Seseorang pelajar Universiti yang ditahan atau tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, atau dipenjarakan atau ditahan bagi apa-apa jua sebab, boleh, dengan persetujuan Senat, dibenarkan untuk menduduki peperiksaan Universiti itu tertakluk kepada apa-apa perintah yang dibuat atau kelulusan yang diberikan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri atau mana-mana pihak berkuasa berwibawa lain, mengikut kehendak keadaan.

(5) Seseorang pelajar Universiti yang digantung daripada menjadi pelajar Universiti itu di bawah subseksyen (1) boleh, semasa dia digantung sedemikian, diterima masuk sebagai pelajar mana-mana Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta ini dengan kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberikan kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(6) Seseorang pelajar Universiti yang terhenti menjadi seorang pelajar di bawah Akta ini boleh diterima masuk sebagai pelajar Universiti itu atau mana-mana Universiti lain yang ditubuhkan di bawah Akta ini dengan kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberikan kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(7) Jika penentuan mana-mana permohonan, rayuan atau prosiding lain oleh mahkamah berkenaan dengan mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang pelajar Universiti bagi suatu kesalahan boleh daftar, berkeputusan dengan pelepasan atau pembebasannya, pelajar itu, jika digantung daripada Universiti atau telah menjalani apa-apa tempoh pemenjaraan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dibenarkan untuk menyambung semula pengajiannya di Universiti itu dan tempoh pengantungan atau pemenjaraan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh diambil kira dalam mengira tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menyempurnakan kursus pengajian dan dalam pengiraan keputusannya.

(8) Jika penentuan mana-mana permohonan, petisyen, rayuan atau prosiding lain oleh mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa berwibawa berkenaan dengan perintah tahanan terhadap atau perintah yang mengenakan sekatan ke atas seseorang pelajar Universiti di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, berkeputusan dengan pelepasannya atau sekatan yang dikenakan ke atasnya dibatalkan, pelajar itu hendaklah dibenarkan untuk menyambung semula pengajiannya di Universiti itu dan tempoh tahanan dan sekatan yang dia tertakluk kepadanya tidak boleh diambil kira dalam mengira tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menyempurnakan kursus pengajian dan dalam pengiraan keputusannya.”.

Pindaan seksyen 16

13. Seksyen 16 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1) seksyen itu;
- (b) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “kakitangan” dengan perkataan “pekerja”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “Naib Canselor boleh” perkataan “, selepas memberikan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti itu suatu peluang untuk membuat representasi bertulis,”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang terkilan dengan penggantungan atau pembubaran yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan notis penggantungan atau pembubaran itu, merayu secara bertulis kepada Menteri.”.

Pemotongan seksyen 16A

14. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 16A.

Pindaan seksyen 16B

15. Seksyen 16B Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Naib Canselor boleh mewakili fungsi, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana Timbalan Naib Canselor, pekerja Universiti, atau jawatankuasa pekerja Universiti, berkenaan dengan mana-mana pelajar tertentu atau mana-mana golongan atau kategori pelajar Universiti.”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Naib Canselor, atau Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja yang diwakilkan dengan fungsi, kuasa atau kewajipan di bawah subseksyen (3), hendaklah memaklumkan pelajar itu secara bertulis alasan bagi tindakan tatatertib yang dicadangkan diambil terhadapnya dan hendaklah memberikannya peluang yang munasabah untuk didengar.

(3B) Seseorang pelajar Universiti hendaklah mempunyai hak untuk diwakili oleh seseorang pekerja atau pelajar lain Universiti itu dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.

(3C) Seseorang pelajar Universiti hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis atau lisan dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.

(3D) Keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadap seseorang pelajar Universiti hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu.”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Mana-mana pelajar Universiti yang tidak berpuas hati dengan keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah subseksyen (3D) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan keputusan itu, mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (5).”;

(d) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Lembaga hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pelajar di bawah subseksyen (4).”;
dan

(e) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli yang hendaklah dilantik oleh Lembaga, dua orang daripadanya hendaklah daripada kalangan ahlinya dan seorang lagi daripada Universiti.

(7) Lembaga hendaklah melantik mana-mana ahlinya yang disebut dalam subseksyen (5) untuk menjadi pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(8) Tiada seorang pun yang telah menjalankan kuasa di bawah subseksyen (2) atau (3) boleh menjadi ahli Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(9) Seseorang pelajar Universiti yang mengemukakan rayuan di bawah subseksyen (4) hendaklah mempunyai hak untuk diwakili oleh seseorang pekerja atau pelajar lain Universiti itu dalam mana-mana prosiding di hadapan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(10) Seseorang pelajar Universiti yang mengemukakan rayuan di bawah subseksyen (4) hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis dalam mana-mana prosiding di hadapan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(11) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang mendengar suatu rayuan di bawah subseksyen (5) hendaklah memutuskan rayuan itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan rayuan.

(12) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar mengenai sesuatu rayuan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusannya.”.

Pindaan seksyen 16c

16. Seksyen 16c Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “kakitangan, pegawai dan pekerja Universiti dan”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan bagi penggantungan seseorang pelajar Universiti semasa prosiding tatatertib belum selesai.”;

- (c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Kaedah-kaedah tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tata tertib dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan pelajar daripada Universiti.”; dan

- (d) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Kaedah-kaedah tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah menetapkan tatacara bagi prosiding tata tertib dan prosiding rayuan tata tertib.”.

Pemotongan seksyen 16D

17. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 16D.

Pindaan seksyen 19

18. Seksyen 19 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawal selia penubuhannya” dengan perkataan “Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996”.

Pindaan seksyen 20

19. Seksyen 20 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1) seksyen itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Yang di-Pertuan Agong boleh meminda, mengubah atau membatalkan sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) melalui suatu perintah yang kemudian yang disiarkan dalam *Warta*.”.

Pindaan seksyen 22

20. Seksyen 22 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “15C,” “16A,” dan “, 16D”.

Pindaan seksyen 23

21. Subseksyen 23(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawal selia penubuhannya” dengan perkataan “Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996”.

Pindaan seksyen 24

22. Subseksyen 24 (1) dan (2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawal selia penubuhannya” dengan perkataan “Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996”.

Pindaan seksyen 24B dan 24C

23. Seksyen 24B dan perenggan 24C(g) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “kakitangan,”.

Pindaan seksyen 24D

24. Seksyen 24D Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “kakitangan,” di mana-mana jua terdapat.

Penggantian seksyen 26

25. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 26 dengan seksyen yang berikut:

“Pengecualian

26. Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) mengecualikan mana-mana Universiti atau Kolej Universiti daripada mana-mana peruntukan Akta ini atau Jadual Pertama dan Kedua; atau

- (b) mengubah mana-mana peruntukan Jadual Pertama dan Kedua dalam pemakaiannya bagi mana-mana Universiti atau Kolej Universiti.”.

Pindaan Jadual Pertama

26. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam seksyen 2—

- (i) dalam takrif “Guru”, dengan memasukkan selepas perkataan “profesor madya,” perkataan “fellow,”; dan

(ii) dalam takrif “Pegawai”—

- (A) dengan memasukkan selepas perkataan “Timbalan Naib Canselor,” perkataan “ketua Kampus Cawangan,”; dan

- (B) dengan menggantikan perkataan “Pegawai Perpustakaan” dengan perkataan “Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang”;

(b) dalam seksyen 4—

(i) dalam subseksyen (1)—

- (A) dalam perenggan (*ka*), dengan memotong perkataan “kakitangan,”;

- (B) dalam perenggan (*l*), dengan menggantikan perkataan “kakitangan” dengan perkataan “pekerja”;

- (C) dengan menggantikan perenggan (*m*) dengan perenggan yang berikut:

“(m) untuk melantik dan menaikkan pangkat pekerja Universiti dan menimbangkan rayuan daripada mana-mana orang yang terkilan dengan perjalanan kuasa melantik dan menaikkan pangkat itu”;

(D) dengan menggantikan perenggan (*n*) dengan perenggan yang berikut:

“(*n*) untuk mengawal selia syarat perkhidmatan pekerja Universiti, termasuk skim perkhidmatan, tangga gaji, peminjaman, pertukaran, cuti dan tatatertib;”;

(E) dalam perenggan (*p*), dengan menggantikan perkataan “kakitangan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pekerja”; dan

(F) dalam perenggan (*q*) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “bayaran” dengan perkataan “fi”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Bagi mengelakkan keraguan, kuasa di bawah subseksyen (1) boleh dijalankan oleh Lembaga, kecuali kuasa di bawah perenggan (1)(*a*), (*b*), (*c*), (*d*), (*f*), (*j*) dan (*kc*) yang hendaklah dijalankan oleh Senat.”;

(c) dalam seksyen 9—

(i) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Maka hendaklah ada seorang Naib Canselor yang hendaklah dilantik oleh Menteri atas nasihat jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4A Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan selepas berunding dengan Lembaga.”;

(ii) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Naib Canselor hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga dan Senat.”;

(iii) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Naib Canselor hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif dan hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik dan pengurusan dan hal ehwal hari ke hari Universiti.”; dan

(iv) dengan memotong subseksyen (4);

(d) dengan memasukkan selepas seksyen 9 seksyen yang berikut:

“Ketua Kampus Cawangan

9A. (1) Jika terdapat suatu Kampus Cawangan, maka hendaklah ada seorang ketua Kampus Cawangan yang hendaklah dilantik oleh Menteri, selepas berunding dengan Naib Canselor.

(2) Ketua Kampus Cawangan boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(3) Tempoh jawatan dan syarat lain perkhidmatan ketua Kampus Cawangan hendaklah ditentukan oleh Menteri, selepas berunding dengan Naib Canselor.

(4) Ketua Kampus Cawangan hendaklah menjadi pegawai eksekutif, pegawai pentadbiran dan pegawai akademik utama Kampus Cawangan itu dan hendaklah melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya di bawah arahan dan kawalan Naib Canselor.”;

(e) dalam seksyen 10—

(i) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “dan Pegawai Perpustakaan” dengan perkataan “, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang”;

(ii) dalam subseksyen (1)—

(A) dengan menggantikan perkataan “dan Pegawai Perpustakaan” dengan perkataan “, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang”;
dan

- (B) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “whole-time” dengan perkataan “full-time”;
- (iii) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:
- “(1A) Jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”; dan
- (iv) dalam subseksyen (2) dan (3), dengan menggantikan perkataan “dan Pegawai Perpustakaan” dengan perkataan “, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang”;
- (f) dalam seksyen 12—
- (i) dalam subseksyen (1)—
- (A) dengan memasukkan selepas perkataan “Senat,” perkataan “Jawatankuasa Pengurusan Universiti atau dengan apa-apa jua nama ia disebut,”; dan
- (B) dengan memasukkan selepas perkataan “Jawatankuasa Pemilih,” perkataan “Jawatankuasa Kebajikan Pekerja,”; dan
- (ii) dalam subseksyen (3), dengan memotong perkataan “yang bukan *ex-officio*”;
- (g) dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen yang berikut:

“Lembaga Pengarah

13. (1) Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada—

- (a) Pengerusi;
- (b) Naib Canselor;
- (c) dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;
- (d) seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletakinya Universiti itu;

- (e) seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam perenggan 17(d); dan
- (f) lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni Universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar Universiti yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga.

(2) Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli *ex-officio* Lembaga tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga.

(3) Tertakluk kepada kelulusan Menteri, setiap ahli yang dilantik di bawah perenggan (1)(c) boleh melantik seorang ahli silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Lembaga jika ahli itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(4) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai ahli Lembaga.”;

(h) dalam seksyen 14—

- (i) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Tempoh ahli yang dilantik di bawah perenggan 13(1)(e) hendaklah bagi selama tempoh keanggotaannya dalam Senat.”;

- (ii) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.”; dan

- (iii) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “tiga ahli lain” dengan perkataan “empat ahli lain tidak termasuk ahli *ex-officio*”;

- (i) dalam subseksyen 15(1), dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana ahli Lembaga” perkataan “, selain Naib Canselor,”;

- (j) dengan menggantikan seksyen 16 dengan seksyen yang berikut:

“Fungsi dan kuasa Lembaga

16. (1) Lembaga hendaklah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan ini atau Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.

(2) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Senat, tetapi Lembaga boleh menghantar pendapatnya kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat, bagi pertimbangan Senat.

(3) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah—

- (a) mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi Universiti;
 - (b) menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti;
 - (c) membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
 - (d) memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pelajaran tinggi dan penyelidikan;
 - (e) memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Jawatankuasa, Pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.”;
- (k) dengan memasukkan selepas seksyen 16 seksyen yang berikut:

“Jawatankuasa Lembaga

16A. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Lembaga hendaklah memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga, dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

(6) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga.

(7) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.

(8) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.

(9) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

(10) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan—

(a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga secepat yang dapat dilaksanakan.

(11) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(12) Ahli sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (11) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(13) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.”;

(l) dalam seksyen 17—

(i) dalam subseksyen (1)—

(A) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “Ketua” dengan perkataan “ketua Kampus,” dan, dalam teks bahasa Inggeris, dengan memotong perkataan “and” yang terdapat di hujung perenggan itu;

(B) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) tidak lebih daripada dua puluh orang profesor yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor sepenuh masa dan profesor madya Universiti; dan”;

(C) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(e) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah diko-opt oleh Naib Canselor selama tiga tahun.”;

(ii) dengan menggantikan subseksyen (1A) dengan subseksyen yang berikut:

“(1A) Senat boleh dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat Senat.”;

- (iii) dengan memasukkan selepas subseksyen (1B) subseksyen yang berikut:

“(1C) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli *ex-officio* tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Senat.”;

- (iv) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen 4(3) dan subseksyen (2), Senat hendaklah melaksanakan fungsi yang berikut dan menjalankan kuasa yang berikut:

- (a) untuk menubuhkan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut, dan jabatan, unit atau badan di bawah Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu;
- (b) dengan keizinan Lembaga, untuk memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan, atau yang telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang;
- (c) untuk membentuk dasar dan kaedah pengajaran, pelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa dan latihan yang dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti;
- (d) untuk memastikan standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;
- (e) untuk menentukan kebolehlaksanaan atau selainnya apa-apa cadangan berkenaan dengan apa-apa kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau hendak dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti;
- (f) untuk menentukan kelayakan yang dikehendaki bagi diterima masuk ke dalam

mana-mana kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;

(g) untuk mengawal selia perjalanan penilaian dan peperiksaan, mengesahkan keputusan peperiksaan dan menentukan rayuan;

(h) untuk menggubal dasar bagi melindungi kebebasan akademik dan kecemerlangan profesional; dan

(i) untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Perlembagaan ini.”; dan

(v) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Senat hendaklah mempertimbangkan apa-apa perkara yang dihantar kepadanya oleh Lembaga di bawah subseksyen 16(3).

(5) Apa-apa pertikaian antara Senat dengan Lembaga mengenai ruang lingkup dan takat fungsi atau kuasa mereka boleh dirujukkan oleh salah satu pihak kepada Menteri mengikut seksyen 24A.”;

(m) dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

“Jawatankuasa Pengurusan Universiti

17A. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang hendaklah terdiri daripada:

(a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi pengerusi;

(b) semua Timbalan Naib Canselor;

(c) Pendaftar;

(d) Bursar;

(e) Penasihat Undang-Undang; dan

(f) mana-mana pegawai lain Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.

(2) Jawatankuasa Pengurusan Universiti hendaklah menasihati Naib Canselor berhubung dengan fungsi pentadbiran dan pengurusannya.”;

(n) dalam seksyen 18—

(i) dalam subseksyen (3)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “Naib Canselor hendaklah” perkataan “, selepas berunding dengan kakitangan akademik setiap Fakulti,”; dan

(B) dengan memasukkan selepas perkataan “seorang Timbalan Dekan.” perkataan “Lembaga hendaklah dimaklumkan tentang pelantikan itu secepat yang mungkin.”; dan

(ii) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Naib Canselor mempunyai kuasa melantik seseorang sebagai ketua sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut” dengan perkataan “Naib Canselor hendaklah, selepas berunding dengan kakitangan akademik setiap Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut, mempunyai kuasa untuk melantik seseorang sebagai ketua sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut”;

(o) dalam seksyen 20—

(i) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “Kerusi” perkataan “dan pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan, profesor dan pegawai disebut dalam seksyen 10”;

(ii) dalam subseksyen (3)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “Kerusi” perkataan “dan pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan, profesor dan pegawai yang disebut dalam seksyen 10”;

(B) dengan memasukkan selepas perkataan “Timbalan Naib Canselor” perkataan “yang bertanggungjawab bagi hal ehwal akademik”;

(p) dengan memasukkan selepas seksyen 20 seksyen yang berikut:

“Jawatankuasa Kebajikan Pekerja

20A. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Kebajikan Pekerja yang hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang ahli Lembaga yang hendaklah menjadi pengerusi;
- (b) Naib Canselor;
- (c) Pendaftar;
- (d) Bursar; dan
- (e) seorang ahli daripada setiap kesatuan pekerja atau persatuan pekerja berdaftar Universiti.

(2) Jawatankuasa Kebajikan Pekerja hendaklah mempunyai apa-apa kuasa yang berhubungan dengan kebajikan pekerja sebagaimana yang ditetapkan oleh Statut.”;

(q) dengan menggantikan subseksyen 21(1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Kebajikan Pelajar yang hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi pengerusi;
- (b) dua orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar; dan
- (c) mana-mana ahli lain yang dilantik oleh Lembaga.”;

(r) dengan memasukkan selepas seksyen 24 seksyen yang berikut:

“Pertikaian

24A. (1) Apa-apa pertikaian antara Pihak Berkuasa, atau antara seseorang Pegawai dengan suatu Pihak Berkuasa mengenai ruang lingkup dan takat kuasa, fungsi atau bidang kuasanya boleh dirujukkan oleh salah satu pihak kepada Menteri dan Menteri boleh memutuskan pertikaian itu sendiri atau melantik suatu Panel Penyelesaian Pertikaian untuk memutuskan pertikaian itu.

(2) Panel Penyelesaian Pertikaian hendaklah ditubuhkan daripada kalangan orang ternama dari dalam atau luar Universiti yang bukan pegawai, pekerja atau ahli Pihak Berkuasa yang berkenaan.

(3) Panel Penyelesaian Pertikaian hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi dan dua orang ahli lain.

(4) Panel Penyelesaian Pertikaian hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

(5) Keputusan Panel Penyelesaian Pertikaian adalah muktamad dan konklusif dan hendaklah mengikat pihak-pihak kepada pertikaian itu.”;

(s) dalam seksyen 25, dengan memasukkan selepas perenggan (f), perenggan yang berikut:

“(fa) pengurusan Kampus Cawangan yang terletak di luar Malaysia;”;

(t) dengan menggantikan subseksyen 26(3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Sesuatu cadangan bagi sesuatu Statut baru, atau bagi apa-apa pindaan kepada sesuatu Statut, mengenai mana-mana perkara yang berikut, iaitu:

(a) kuasa dan kewajipan Dekan sesuatu Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut;

- (b) keanggotaan, kuasa, kewajipan dan tatacara Senat, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut atau Jawatankuasa Pengajian;
- (c) penetapan ijazah, diploma, dan kepujian akademik lain yang hendak diberikan oleh Universiti;
- (d) pengurusan perpustakaan; dan
- (e) segala perkara lain dalam bidang kuasa Senat di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana Statut,

tidak boleh dikemukakan kepada Canselor tanpa keizinan bertulis Senat.”;

- (u) dalam perenggan 27(i), dengan menggantikan perkataan “segala cawangan kegiatan Universiti” dengan perkataan “segala kegiatan cawangan Universiti sama ada di dalam atau di luar Malaysia,”;
- (v) dalam perenggan 28(2)(a), dengan memotong perkataan “, (g)”;
- (w) dalam seksyen 39—
 - (i) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Kuasa Lembaga untuk mendapatkan dana, menerima hadiah, dsb.”; dan
 - (ii) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “bagi pihak Universiti” perkataan “mendapatkan dana bagi aktiviti akademik dan penyelidikan Universiti dan”;
- (x) dalam seksyen 41, dengan memotong perkataan “kakitangan,”;
- (y) dalam seksyen 46A, dengan memotong perkataan “, termasuk kaedah yang dibuat di bawah seksyen 16C Akta itu,”;
- (z) dalam seksyen 48—
 - (i) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Lembaga boleh membuat Peraturan-Peraturan bagi penjalanan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar dan bagi segala perkara yang berhubungan dengannya.”;

- (ii) dalam perenggan (2)(a)—
- (A) dengan memasukkan selepas perkataan “setiap” perkataan “Kampus Cawangan,”;
 - (B) dengan memasukkan selepas perkataan “dijalankan oleh” perkataan “ketua Kampus atau”; dan
 - (C) dengan memasukkan selepas perkataan “sama bilangannya daripada” perkataan “Kampus Cawangan,”;
- (iii) dengan memotong subseksyen (9); dan
- (iv) dengan menggantikan subseksyen (14) dengan subseksyen yang berikut:
- “(14) (a) Bagi maksud seksyen ini—
- “pelajar berdaftar” ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk suatu ijazah atau diploma termasuk diploma lepas ijazah, tetapi tidak termasuk seorang pelajar luar;
- “pelajar luar” ertinya seseorang pelajar berdaftar di Kampus di luar Malaysia atau seseorang pelajar yang mengikuti suatu program jangka pendek, sambilan, pembelajaran jarak jauh, program pertukaran atau bersekutu, sama ada di dalam atau di luar Malaysia.
- (b) Seorang pelajar berdaftar hendaklah terhenti menjadi pelajar berdaftar di bawah seksyen ini—
- (i) apabila disiarkan keputusan peperiksaan akhir bagi kursus pengajian itu, jika dia lulus peperiksaan itu; atau

(ii) apabila disiarkan keputusan mana-mana peperiksaan bagi kursus pengajian itu, jika dia gagal dalam peperiksaan itu, sehingga dia, kemudiannya, didaftarkan sekali lagi bagi kursus pengajian itu atau kursus pengajian lain yang berkenaan dengan seseorang pelajar berdaftar di bawah subseksyen ini.”;

(za) dalam subseksyen 49(1), dengan menggantikan perkataan “Lembaga” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Naib Canselor”; dan

(zb) dalam seksyen 53—

(i) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika Lembaga berpendapat bahawa mana-mana mahasiswa Universiti atau mana-mana orang yang telah menerima sesuatu ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain daripada Universiti bersalah atas perbuatan skandal, maka adalah sah bagi Canselor, dengan sokongan tidak kurang daripada dua pertiga daripada semua ahli Lembaga, selepas memberikan peluang untuk didengar kepada mahasiswa itu atau orang yang berkenaan, untuk melucutkan apa-apa ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain yang diberikan kepadanya oleh Universiti.”; dan

(ii) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan “termasuklah” dengan perkataan “ertinya” dan dengan memotong perkataan “kakitangan,”.

Pindaan Jadual Kedua

27. Jadual Kedua kepada Akta ibu dipinda dalam perenggan 2—

(a) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “dibatalkan.” dengan perkataan “dibatalkan atau dia meletakkan jawatan; atau”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:

“(c) jika dia hilang kelayakan di bawah perenggan 1.”.

Peruntukan kecualian dan peralihan

28. (1) Jika pada permulaan kuat kuasa Akta ini prosiding jenayah terhadap seseorang pelajar Universiti belum selesai di hadapan mana-mana mahkamah dan pelajar itu telah digantung mengikut peruntukan seksyen 15D Akta ibu, Naib Canselor hendaklah, mengikut budi bicaranya, mempertimbangkan sama ada pelajar itu patut terus digantung atau selainnya.

(2) Jika pada permulaan kuat kuasa Akta ini prosiding jenayah yang belum selesai di hadapan mahkamah terhadap seseorang pelajar Universiti berkeputusan dengan sabitannya, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib dan pelajar itu hendaklah diuruskan di bawah dan dengan menepati peruntukan Akta ini.

(3) Jika pada permulaan kuat kuasa Akta ini apa-apa permohonan, petisyen, rayuan atau prosiding lain yang belum selesai di hadapan mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang berwajib berkenaan dengan apa-apa prosiding jenayah terhadap seseorang pelajar Universiti, atau perintah tahanan terhadap atau perintah yang mengenakan sekatan ke atas seseorang pelajar Universiti di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, berkeputusan dengan pembebasan atau pelepasannya, pelajar itu hendaklah diuruskan di bawah dan dengan menepati peruntukan Akta ini.

(4) Jika pada permulaan kuat kuasa Akta ini prosiding tatatertib terhadap seseorang pelajar Universiti belum selesai, prosiding itu hendaklah diteruskan oleh Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja Universiti atau jawatankuasa pekerja Universiti, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah dan dengan menepati peruntukan Akta ini.

(5) Jika pada permulaan kuat kuasa Akta ini suatu rayuan yang dibawa oleh pelajar Universiti belum selesai di hadapan Menteri, rayuan itu hendaklah didengar oleh Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar di bawah dan dengan menepati peruntukan Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (“Akta 30”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 30 untuk memasukkan takrif baru dan untuk meminda takrif sedia ada yang digunakan dalam Akta.

Takrif “Kampus” digubal semula untuk memasukkan Kampus Cawangan.

Takrif “Menteri” digantikan bagi maksud penjelasan untuk menggambarkan pewujudan dua Kementerian mengenai pelajaran, iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Takrif baru “kesalahan boleh daftar” pada dasarnya dicadangkan bagi menggantikan perkataan “kesalahan jenayah” yang digunakan dalam Akta 30.

Takrif “pelajar” dipinda untuk memasukkan pelajar yang sedang mengikuti kursus pengajian, latihan amal dan penyelidikan dalam, oleh atau dari Universiti, sama ada sambil atau sepenuh masa dan, sama ada secara konvensional atau melalui pembelajaran jarak jauh.

Penggantian takrif “pelajaran Universiti atau Kolej Universiti” bertujuan untuk meluaskan ruang lingkup istilah itu untuk memasukkan penyelidikan dan pembangunan pelajaran dan pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan itu sama ada atau tidak ia membawa kepada penganugerahan ijazah, diploma atau sijil.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A dan 4B ke dalam Akta 30. Seksyen 4A membolehkan Menteri melantik suatu jawatankuasa untuk menasihatnya mengenai orang yang layak dan sesuai bagi pelantikan Naib Canselor atau apa-apa jawatan lain yang dia mempunyai kuasa melantik di bawah Akta. Pelantikan jawatankuasa itu adalah untuk ketelusan dalam proses pemilihan bagi jawatan tersebut. Seksyen 4B memberi Menteri kuasa untuk meminjam atau memindahkan seseorang pekerja Universiti kepada perkhidmatan mana-mana Universiti, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan yang memohon di dalam Malaysia, tertakluk kepada persetujuan pekerja tersebut. Jika terdapat apa-apa tuntutan bagi pampasan yang berbangkit daripada peminjaman atau perpindahan tersebut, tuntutan itu hendaklah dibayar oleh pihak yang memohon.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 30 untuk memastikan bahawa tiada institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti ditubuhkan kecuali mengikut peruntukan Akta 30 atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (“Akta 555”).

6. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (1A) ke dalam seksyen 6 Akta 30 berkenaan dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk meminda,

mengubah atau membatalkan sesuatu Perintah Perbadanan. Peruntukan yang seumpamanya juga dicadangkan dalam *fasal 18* berkenaan dengan perintah untuk menubuhkan Kolej Universiti.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk menggantikan seksyen 12 Akta 30 untuk memberi Menteri kuasa untuk menubuhkan suatu Kampus bagi Universiti selepas berunding dengan Lembaga. Kuasa untuk membuat Perintah Kampus yang pada masa ini dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong dicadangkan diberikan kepada Menteri memandangkan penglibatan Universiti dalam pelbagai perkiraan pentadbiran berikutan dengan pertambahan bilangan pelajar. Atas semangat keantarabangsaan, pindaan ini membenarkan penubuhan kampus di luar negara. *Fasal* ini juga membenarkan Naib Canselor meluluskan penggunaan secara sementara mana-mana kawasan bagi maksud Universiti. Peruntukan Akta 30, Perlembagaan, Kaedah-Kaedah, dsb., hendaklah terpakai bagi kawasan itu sebagaimana ia terpakai bagi Kampus Universiti bagi memudahkan pemakaian peraturan-peraturan tatatertib dan peraturan-peraturan lain, dsb. Universiti dalamnya.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk menggantikan seksyen 15 Akta 30 untuk memberikan kepada pelajar dan pertubuhan pelajar kebebasan berserikat tertakluk kepada sekatan berhubung dengan parti politik, pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang dikenal pasti oleh Menteri sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu. Sebagai tambahan, Naib Canselor boleh, atas permohonan seseorang pelajar, mengecualikan pelajar itu daripada sekatan yang disebut dalam perenggan (1)(a) yang dicadangkan. Ini akan membolehkan seseorang ahli politik yang bergiat dalam mana-mana parti politik mendaftar bagi sesuatu kursus di Universiti tanpa perlu melepaskan kerjaya politiknya. Pindaan kepada subseksyen (6) yang dicadangkan bertujuan untuk meluaskan ruang lingkup kebebasan bercakap dan bersuara mengenai perkara akademik oleh seseorang pelajar. Pindaan kepada subseksyen (7) pula bertujuan untuk menghapuskan penalti jenayah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini dan menggantikannya dengan tindakan tatatertib. Penghapusan penalti jenayah yang dicadangkan dalam seksyen ini adalah selaras dengan semangat Akta 30 yang mentadbir pelajaran tinggi.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 15A Akta 30. Penalti jenayah dalam subseksyen (2) digantikan dengan tindakan tatatertib dan bagi memperuntukkan autonomi kepada Universiti, kuasa untuk memberikan pengecualian di bawah subseksyen 15A(3) sekarang diberikan kepada Naib Canselor.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 15B Akta 30 bagi memperuntukkan bahawa jika sesuatu kesalahan boleh daftar telah dilakukan atas nama atau bagi pihak mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar sesuatu Universiti, mana-mana pelajar yang disabitkan atas kesalahan itu boleh dikenakan tindakan tatatertib manakala pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar itu boleh digantung atau dibubarkan.

11. Penggantian kesalahan jenayah dengan kesalahan tatatertib dalam Akta yang dicadangkan menjadikan seksyen 15C Akta 30 tidak lagi perlu dan justeru itu dipotong dalam *fasal 11*.

12. *Fasal 12* bertujuan untuk menggantikan seksyen 15D Akta 30. Seksyen baru 15D mencadangkan relief kepada pelajar yang berhadapan dengan pertuduhan jenayah, penahanan, perintah sekatan atau pemenjaraan. Subseksyen (1) bertujuan untuk memberikan budi bicara kepada Naib Canselor untuk memutuskan sama ada atau tidak untuk menggantung seseorang pelajar yang dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar. Subseksyen (2) dan (3) menjadikan seseorang pelajar yang disabitkan atas suatu kesalahan boleh daftar, atau ditahan atau tertakluk kepada suatu perintah sekatan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, boleh dikenakan tindakan tatatertib dan dia tidak dengan serta-merta terhenti menjadi seorang pelajar di bawah hal keadaan sedemikian menurut kuasa peruntukan yang sedia ada. Subseksyen (4) bertujuan untuk membenarkan seseorang pelajar yang diletakkan di bawah tahanan atau tertakluk kepada suatu perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya atau yang sedang dipenjarakan, untuk menduduki peperiksaannya jika diizinkan oleh Senat dan tertakluk kepada suatu perintah yang dibuat atau kelulusan yang diberikan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri atau mana-mana pihak berkuasa berwajib, mengikut kehendak keadaan. Subseksyen (5) dan (6) masing-masing bertujuan untuk membenarkan seseorang pelajar yang digantung daripada Universiti atau seseorang pelajar yang terhenti menjadi seorang pelajar Universiti di bawah Akta 30 untuk meneruskan pengajiannya di mana-mana Universiti lain dengan kelulusan bertulis Menteri. Pindaan ini adalah selaras dengan hak bagi pelajaran untuk semua. Subseksyen (7) dan (8) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tempoh penggantungan tidak boleh diambil kira dalam pengiraan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menyempurnakan kursus pengajian dan dalam pengiraan keputusannya apabila seseorang pelajar dilepaskan atau dibebaskan daripada kesalahan boleh daftar atau dilepaskan daripada tahanan atau sekatan yang dikenakan ke atasnya dibatalkan.

13. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 30 untuk memberi pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti hak untuk membuat representasi bertulis sebelum apa-apa penggantungan atau pembubaran dibuat terhadap pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar itu oleh Naib Canselor. *Fasal* ini juga mewujudkan hak untuk merayu kepada Menteri.

14. *Fasal 14* bertujuan untuk memotong seksyen 16A Akta 30 mengenai tatatertib kakitangan, pegawai dan pekerja Universiti kerana pada masa ini perkara ini dikawal selia oleh Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

15. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 16B Akta 30 untuk menambah baik tatacara bagi melindungi pelajar dalam prosiding tatatertib.

16. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 16C Akta 30 dengan menghapuskan kuasa Lembaga untuk membuat kaedah-kaedah bagi tatatertib pekerja kerana pada masa ini perkara ini dikawal selia oleh Akta 605. Dengan pindaan ini, seksyen 16C adalah terbatas kepada kaedah-kaedah bagi tatatertib pelajar sahaja.

17. *Fasal 17* bertujuan untuk memotong seksyen 16D Akta 30 mengenai surcaj kerana pada masa ini perkara ini dikawal selia oleh Akta 605.

18. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 30. Pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen (1) bertujuan untuk memastikan bahawa tiada seorang pun dibenarkan untuk menubuhkan, menguruskan atau menyenggarakan suatu institusi pelajaran tinggi bertaraf “Universiti” atau “Kolej Universiti” melainkan jika ia adalah suatu institusi pelajaran tinggi yang ditubuhkan mengikut Akta 30 atau Akta 555. Pindaan kepada subseksyen (2) bertujuan untuk memastikan bahawa tiada institusi pelajaran tinggi atau seorang pun boleh mengeluarkan atau memberikan kepada mana-mana orang apa-apa ijazah atau diploma yang berupa sebagai ijazah atau diploma yang dikeluarkan atau diberikan oleh sesuatu Universiti atau Kolej Universiti melainkan jika pengeluaran atau pemberian itu mengikut peruntukan Akta 30 atau Akta 555.

19. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 26 Akta 30 untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk mengecualikan mana-mana Universiti atau Kolej Universiti daripada mana-mana peruntukan Akta 30 atau Jadual Pertama dan Kedua, atau untuk mengubah Jadual dalam pemakaiannya bagi mana-mana Universiti atau Kolej Universiti.

20. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda Perlembagaan Universiti dalam Jadual Pertama kepada Akta 30.

Perenggan (a) bertujuan untuk meminda takrif yang sedia ada dan memasukkan takrif baru tertentu.

Perenggan (b) bertujuan untuk meminda, antara lain, perenggan 4(1)(m) dan (n) Perlembagaan masing-masing untuk memberi Lembaga kuasa untuk mempertimbangkan rayuan daripada mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan pelantikan dan kenaikan pangkat dan untuk membenarkan peminjaman pekerja Universiti. Bagi menghapuskan apa-apa ketaksaan, subseksyen (3) baru dimasukkan untuk menyatakan dengan jelas kuasa yang hendak dijalankan oleh Lembaga dan Senat.

Perenggan (c) bertujuan untuk meminda seksyen 9 Perlembagaan. Pindaan kepada subseksyen (1) memperuntukkan tatacara bagi pelantikan Naib Canselor. Subseksyen baru (1A) dimasukkan bagi memperuntukkan secara khusus bahawa Naib Canselor adalah bertanggungjawab kepada Lembaga. Pindaan kepada subseksyen(3) adalah untuk menjelaskan peranan Naib Canselor sebagai ketua pegawai eksekutif dan subseksyen (4) dipotong kerana kuasa Naib Canselor yang dinyatakan dalamnya sekarang dipindahkan kepada Lembaga.

Perenggan (d) bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 9A ke dalam Perlembagaan yang mengadakan peruntukan bagi pelantikan ketua Kampus Cawangan.

Perenggan (e) bertujuan untuk meminda seksyen 10 Perlembagaan bagi mewujudkan jawatan baru Penasihat Undang-Undang.

Perenggan (f) bertujuan untuk meminda seksyen 12 Perlembagaan untuk memasukkan Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Jawatankuasa Kebajikan Pekerja sebagai Pihak Berkuasa Universiti.

Perenggan (g) bertujuan untuk meminda seksyen 13 Perlembagaan untuk menambah keanggotaan Lembaga Pengarah daripada lapan orang kepada sebelas orang. Dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam boleh diwakili oleh ahli silih ganti mereka dalam mana-mana mesyuarat Lembaga.

Perenggan (h) bertujuan untuk meminda seksyen 14 Perlembagaan untuk mengadakan peruntukan bagi kuorum baru bagi mesyuarat Lembaga dan pelantikan Pendaftar sebagai Setiausaha Lembaga.

Perenggan (i) bertujuan untuk meminda subseksyen 15(1) Perlembagaan untuk mengecualikan Naib Canselor daripada mempengerusikan mana-mana mesyuarat Lembaga.

Perenggan (j) bertujuan untuk menggantikan seksyen 16 Perlembagaan bagi mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasa terperinci Lembaga.

Perenggan (k) bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 16A ke dalam Perlembagaan untuk memberi Lembaga kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa bagi membantunya dalam pelaksanaan fungsinya.

Perenggan (l) bertujuan untuk meminda seksyen 17 Perlembagaan yang berhubungan dengan Senat. *Perenggan (c)* dipinda untuk memasukkan ketua Kampus ke dalam Senat selaras dengan tanggungjawab akademik mereka di dalam Kampus. Pindaan kepada *perenggan (d)* akan membolehkan dua puluh orang Profesor dalam Senat dipilih oleh rakan setara mereka bagi selama tempoh tiga tahun manakala *perenggan baru (e)* membenarkan Naib Canselor mengko-opt tidak lebih daripada lima orang ke dalam Senat. Subseksyen 17(1A) dipinda untuk membenarkan Senat mengundang pelajar untuk menghadiri mesyuaratnya. Subseksyen baru (2A) dan (5) masing-masing memberikan fungsi dan kuasa tambahan kepada Senat dan memperkatakan pertikaian antara Senat dengan Lembaga mengenai fungsi dan kuasa mereka.

Perenggan (m) bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 17A ke dalam Perlembagaan yang memperkatakan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Universiti. Fungsi jawatankuasa adalah untuk menasihati Naib Canselor berhubung dengan fungsi pentadbiran dan pengurusannya.

Perenggan (n) bertujuan untuk meminda subseksyen 18(3) dan (4) Perlembagaan untuk mengenakan kewajipan ke atas Naib Canselor untuk berunding dengan kakitangan akademik setiap Fakulti atau Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut sebelum melantik Dekan atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut masing-masing.

Perenggan (o) bertujuan untuk meminda seksyen 20 Perlembagaan. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk meluaskan ruang lingkup pelantikan oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Naib Canselor untuk merangkumi pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan, profesor dan pegawai yang disebut dalam seksyen 10.

Perenggan (p) bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 20A ke dalam Perlembagaan yang memperkatakan penubuhan Jawatankuasa Kebajikan Kakitangan.

Perenggan (q) bertujuan untuk meminda subseksyen 21(1) Perlembagaan untuk membenarkan perwakilan seramai dua orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar.

Perenggan (r) bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 24A ke dalam Perlembagaan yang memperkatakan pertikaian antara Pihak Berkuasa, atau antara seseorang pegawai dengan sesuatu Pihak Berkuasa Universiti. Pertikaian itu boleh dirujuk kepada Menteri dan jika Menteri membuat keputusan untuk tidak memutuskan pertikaian itu sendiri, dia boleh melantik suatu Panel Penyelesaian Pertikaian bagi maksud itu.

Perenggan (s) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 25(*fa*) untuk mengawal selia pengurusan sesuatu Kampus Cawangan yang terletak di luar Malaysia.

Perenggan (t) bertujuan untuk meminda subseksyen 26(3) Perlembagaan untuk menyatakan dengan tegas bahawa bagi perkara yang berada dalam bidang kuasa Senat, kuasa Lembaga untuk membuat cadangan bagi membuat, meminda atau membatalkan mana-mana Statut tidak boleh dikemukakan kepada Canselor tanpa keizinan secara bertulis Senat.

Perenggan (u) bertujuan untuk meminda perenggan 27(*i*) Perlembagaan untuk mengawal selia semua aktiviti cawangan Universiti sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

Perenggan (v) bertujuan untuk meminda perenggan 28(2)(*a*) Perlembagaan. Ini merupakan pindaan berbangkit memandangkan sebutan mengenai syarat tempat tinggal dan kebajikan pelajar bukan berada dalam bidang kuasa Senat.

Perenggan (w) bertujuan untuk meminda seksyen 39 bagi membenarkan Universiti mendapatkan dana bagi aktiviti akademik dan penyelidikannya.

Perenggan (z) bertujuan untuk meminda seksyen 48 Perlembagaan. Kemasukan subseksyen (1A) itu bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk membuat Peraturan-Peraturan bagi penjalanan pemilihan pelajar. Pindaan kepada perenggan (2)(*a*) membenarkan pelajar daripada Kampus Cawangan memilih wakil mereka ke Majlis Perwakilan Pelajar. Dengan pemotongan subseksyen (9) yang dicadangkan, pelajar lepas ijazah tidak dihalang daripada menjadi ahli Kesatuan Pelajar. Pelajar lepas ijazah sekarang adalah termasuk dalam takrif “pelajar berdaftar” melalui pindaan yang dicadangkan dibuat kepada subseksyen (14).

Perenggan (za) bertujuan untuk meminda subseksyen 49(1) Perlembagaan untuk membenarkan Naib Canselor menubuhkan badan pelajar lain.

Perenggan (zb) bertujuan untuk meminda seksyen 53 Perlembagaan untuk membenarkan mana-mana mahasiswa Universiti atau mana-mana orang peluang untuk didengar sebelum dilucutkan ijazahnya atas alasan perbuatan skandal.

21. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda perenggan 2 Jadual Kedua bagi memperuntukkan keadaan lain apabila seseorang ahli Pihak Berkuasa terhenti menjadi ahli.

22. *Fasal 28* memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan.
23. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2542]